



3

KONSEP AL-KHIZY MENURUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH: Faktor dan Langkah Mengatasinya

Mohd Sholeh Sheh Yusuff

Dunia akhir zaman, semakin ramai umat Islam yang kurang mengambil berat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan agama Islam. Setiap perkara yang diperintahkan oleh agama jarang diambil peduli, arahan dan tegahan Allah SWT sering diabaikan oleh manusia. Mereka enggan menggunakan akal fikiran, enggan menggunakan mata melihat apa yang berlaku di dunia untuk diambil pengajaran, enggan menggunakan telinga untuk mendengar dan menerima ajaran Allah SWT. Allah SWT diumpamakan mereka seperti binatang ternakan bahkan lebih teruk lagi. Allah SWT menjelaskan perkara ini menerusi firman-Nya yang bermaksud: “Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka Jahannam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati yang tidak (mahu) memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan mempunyai mata yang tidak (mahu) melihat dengannya (bukti keesaan Allah), dan mempunyai telinga yang tidak (mahu) mendengar dengannya (ajaran dan nasihat), mereka itu seperti binatang ternakan, bahkan mereka lebih sesat lagi; Mereka itulah orang yang lalai (Surah al-A’raf, 7: 179)”.

Bencana alam yang berlaku merupakan salah satu bentuk *al-Khizy*. Masyarakat dunia dikejutkan dengan hujan lebat mengakibatkan banjir kilat di Kulim Kedah, dalam masa yang sama berlaku kebakaran yang memusnahkan harta benda dan tempat tinggal di Kota Kinabalu, Sabah dan Segamat, Johor serta bencana puting beliung di Pulau Pinang sehingga mencetuskan rasa bimbang dalam kalangan penduduk setempat (www.utusan.com.my/berita/nasional, 28 Mac 2017). Malapetaka yang dahsyat

ini telah mengorbankan beribu-ribu manusia, binaan-binaan yang mewah, kukuh dan tersergam indah telah hancur dibinasakan oleh Allah SWT hanya dengan sekelip mata. Malapetaka yang berlaku merupakan *al-Khizy* yang ditimpakan oleh Allah SWT kerana perbuatan manusia sendiri. Penyataan ini harus diketengahkan dan diperjelaskan supaya manusia mengambil pengajaran dan sedar tentang tanggungjawab dan kewajipan mereka kepada Allah SWT. Selain itu, perbahasan tentang konsep *al-Khizy* amat penting dijalankan memandangkan keadaan masyarakat yang masih terkeliru dengan pengertian sebenar kalimah tersebut, sehingga terjemahan kalimah *al-Khizy* di dalam *Tafsir Pimpinan al-Rahman* juga terhenti kepada maksud kehinaan sahaja (Abdullah Basmeih, 2000) sedangkan kalimah ini mempunyai makna yang berbeza-beza. Dalam artikel ini, pengertian *al-Khizy* akan dilihat menerusi perspektif ahli Sunnah Wal Jamaah, faktor-faktor yang menyebabkan ia berlaku dan cara-cara untuk menghadapinya.

Perkataan Al-Khizy dalam Al-Quran

Dalam al-Quran, perkataan *al-Khizy* disebut sebanyak 24 kali di 24 tempat. Perkataan ini merangkumi lima pengertian yang berbeza iaitu pembunuhan, azab, kehinaan, kerendahan dan keaiban (Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqi, 1996). Pembahagian pengertian ini dapat dilihat dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1 Pembahagian pengertian *al-Khizy* di dalam al-Quran

Bil	Surah	Ayat	Pengertian <i>al-Khizy</i>
A1	Al-Tawbah	14	Kelemahan
A2	Al-Māidah	33	Keaiban
A3	Al-Māidah	41	Keaiban
A4	Al-Tahrim	8	Keaiban
A5	Hūd	78	Keaiban
A6	Al-Naḥl	27	Keaiban
A7	Al-Hijr	69	Keaiban